



JABATAN PERTANIAN
(Department of Agriculture)
BAHAGIAN KAWALAN RACUN PEROSAK
(Pesticides Control Division)
TINGKAT 4-6, WISMA TANI,
JALAN SULTAN SALAHUDDIN,
50632 KUALA LUMPUR, MALAYSIA.
Tel: 03-2030 1400 Faks: 03-2691 7551



Ruj. Kami: JP/KRP/207/12/656/2 Jld.VI (68)

Tarikh: **26** Januari 2018

KEPADA YANG BERKENAAN

**SURAT PEKELILING LEMBAGA RACUN MAKHLUK PEROSAK
BILANGAN 1 TAHUN 2018**

**AKTA RACUN MAKHLUK PEROSAK 1974
PINDAAN BIL.1/2018 GARIS PANDUAN PELABELAN (2003):
Keperluan Tambahan pada Label**

TUJUAN

Surat Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan kepada Syarikat Pendaftar mengenai keputusan pihak Lembaga Racun Makhluk Perosak (LRMP) tentang pindaan dan penambahbaikan kepada Garis Panduan (Pelabelan) 2003 : Kehendak-kehendak Pelabelan.

Keputusan ini diambil untuk membantu pengguna membuat pilihan dalam menentukan produk yang sesuai merangkumi aspek penggunaan, pengendalian dan keselamatan racun makhluk perosak. Sehubungan dengan itu, pihak LRMP telah memutuskan bahawa keperluan tambahan ini perlu dipatuhi oleh semua Syarikat Pendaftar semasa proses pendaftaran baharu, pendaftaran semula dan sebarang permohonan pertukaran maklumat pada label.

Harap sebutkan bilangan surat kami apabila menjawab



CERTIFIED TO ISO 9001 : 2008
CERT. NO. : AK5577



Rakyat Didahulukan
Pencapaian Diutamakan

KEPERLUAN TAMBAHAN PADA LABEL RACUN MAKHLUK PEROSAK

2.0 Maklumat-maklumat tambahan yang perlu dikemukakan adalah seperti berikut :

I. Tarikh luput

Penyataan tarikh luput bagi semua racun makhluk perosak hendaklah dicetak pada label setiap pembalut utama dan kecil atau bekas pembungkusan. Cetakan tanpa ditebalkan dibuat di bawah atau bersebelahan dengan pernyataan tarikh mengilang. Penggunaan pelekat adalah tidak dibenarkan. Syarat ini dikecualikan bagi produk Bahan Teknikal (TC).

II. Talian kecemasan

Cetakan talian kecemasan 999 pada label suatu racun makhluk perosak perlu dipamerkan dengan jelas bagi menggantikan talian kecemasan PUSAT RACUN NEGARA sedia ada. Pendaftar perlu menggunakan logo MERS 999 mengikut piawaian terkini yang ditetapkan (Lampiran 1) dan dicetak pada panel utama label racun makhluk perosak.

III. Kod Cara Tindakan (Mode of Action)

Penyataan kod cara tindakan sesuatu racun pertanian seperti racun rumpai, racun serangga, racun kulat dan lain-lain hendaklah dicetak dalam huruf besar tanpa ditebalkan pada label setiap pembungkusan utama produk. Penyataan perumusan dan kegunaan racun makhluk perosak hendaklah sebagaimana ditetapkan dalam perakuan pendaftaran racun makhluk perosak. Penyataan Jenis Penggunaan, Kod Cara Tindakan dan Perumusan perlu dicetak dengan jelas dalam kotak pada panel utama dalam huruf besar tanpa ditebalkan seperti berikut :


KEGUNAAN	KOD CARA TINDAKAN	PERUMUSAN
----------	-------------------	-----------

TARIKH KUATKUASA

5. Tarikh berkuatkuasa Surat Pekeliling ini adalah pada **01 Mac 2018**.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,



(MOHD FAUZAN BIN YUNUS)

Setiausaha

Lembaga Racun Makhluk Perosak



Logo MERS 999